



YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA

SIARAN MEDIA

**'KUMPULAN SUNWAY MENAJA RM1 JUTA BAGI PENUBUHAN
SUNWAYFORGOOD ANJUNG KASIH YKN HOSPITAL SEBERANG JAYA, PULAU
PINANG'**

PUTRAJAYA, 18 FEB – Kumpulan Sunway menaja sejumlah **RM1 JUTA** bagi penubuhan *SunwayForGood* Anjung Kasih YKN Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang. Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian dan Penyerahan Tajaan antara YKN dan Kumpulan Sunway telah diadakan pada hari ini di Bangunan KPWKM, Putrajaya. Majlis tersebut disaksikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat selaku Pengurus Lembaga Pemegang Amanah YKN dan YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Jeffrey Cheah, Pengasas dan Pengurus Kumpulan Sunway.

Penubuhan *SunwayForGood* Anjung Kasih YKN Hospital Seberang Jaya ini akan melibatkan kerja-kerja pembinaan dan pengubahsuaian yang dijangka dimulakan pada April 2020 dan dijangka siap pada hujung Oktober 2020.

Anjung Kasih YKN adalah salah satu daripada *Flagship Project* berbentuk rumah penginapan sementara yang disediakan kepada pesakit atau waris pesakit yang sedang mendapatkan rawatan di hospital kerajaan secara percuma. Projek ini dapat memberi manfaat kepada pesakit atau waris pesakit miskin yang memerlukan penginapan sewaktu mendapatkan rawatan atau mengiringi pesakit disebabkan jarak antara rumah dan hospital yang jauh. Sehingga Januari 2020, terdapat sebanyak 12 buah Anjung Kasih YKN yang telah beroperasi dan memberi manfaat kepada 76,280 orang penghuni di seluruh negara.

Kumpulan Sunway melaksanakan inisiatif *#SunwayForGood* selaras dengan agenda Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan *United Nation Sustainable Development Goals 2030* yang memberi penekanan kepada projek-projek berimpak tinggi yang membawa kesan positif terhadap masyarakat merangkumi aspek kelestarian, inovasi, perniagaan, kesihatan, kemasyarakatan dan pendidikan.

Kerjasama strategik antara YKN dan Kumpulan Sunway ini amat bertepatan dengan hasrat untuk mengurangkan beban golongan yang memerlukan selaras dengan visi Sunway dalam melaksanakan tanggungjawab sosial untuk membina dunia yang kekal maju supaya tiada yang ketinggalan.

Hadir sama YBhg. Dato' Junaidah Binti Kamarruddin, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Tan Sri Datuk Seri Razman M Hashim, Timbalan Pengurus Eksekutif Kumpulan Sunway, YBhg. Tan Sri Ramon Navaratnam, Penasihat Korporat Kumpulan Sunway, YB Dr. Afif Bahardin, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang merangkup Ahli Dewan Undangan Negeri Seberang Jaya, YB Puan Nurul Izzah Anwar, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YKNM, Ahli Lembaga Kumpulan Sunway dan YBhg. Datin Paduka Che Asmah Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif YKN.

YKN sentiasa membuka ruang dan mengalu-alukan mana-mana pihak sama ada syarikat korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau orang perseorangan untuk bekerjasama dengan YKN melaksanakan projek membantu golongan yang memerlukan.

Setiap sumbangan wang tunai akan diberikan resit pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapat 1967. Sumbangan boleh disalurkan melalui akaun bank seperti berikut:

Nama Akaun	Yayasan Kebajikan Negara Malaysia	
Bank	Alliance Islamic Bank Berhad	Maybank Islamic Bank Berhad
Nombor Akaun	160140010004801	568621012284

Disediakan oleh : Bahagian Dana dan Komunikasi Korporat
Yayasan Kebajikan Negara Malaysia,
Aras 8, Bangunan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,
No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 Putrajaya.
No. Telefon : 03 – 8323 2437 / 03-8323 2420
Tarikh dikeluarkan : 18 Februari 2020